



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (9)

SIARAN MEDIA

PRINTLAB FESTIVAL: EKSPLORASI KEINDAHAN LANSKAP PULAU TUBA

30 OGOS 2025 - Balai Seni Negara Langkawi hari ini merasmikan **Program PrintLab Festival**, sebuah program seni kontemporari yang menggabungkan eksplorasi alam semula jadi dengan ekspresi kreatif melalui seni cetakan. Program berlangsung bermula 24 Ogos hingga 31 Ogos 2025 di Pulau Langkawi, Kedah.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Tuan Muhamad Subhi Abdullah, Pegawai Daerah Langkawi, Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi. Turut hadir YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, YBrs. Prof. Madya Dr. Jalaini bin Abu Hassan, dan YBrs. Encik Fauzan Omar, Ahli Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, YBrs. Encik Zaslan Zeeha Zainee, Pengarah Balai Seni Negara Cawangan Langkawi, wakil jabatan dan agensi kerajaan serta para penggiat seni.

Program yang bertemakan “*Mengangkat Keindahan Alam Semula Jadi dan Ekologi Langkawi Melalui Seni Cetakan Kontemporari*” ini menampilkan seramai 26 orang seniman tempatan dan antarabangsa. Tema ini memberi fokus kepada bagaimana keindahan Langkawi, khususnya Pulau Tuba yang kaya dengan kelestarian ekologi tropika dan identiti komuniti setempat, dapat diterjemahkan ke dalam seni cetakan kontemporari yang segar.

Antara seniman yang terlibat ialah Raja Azhar Raja Idris, Muhammad Hakiki Syahrudin, Nor Harliza Ariffin, Syahril Azwan Salleh, Nazri Abdullah, Aslinda Ahmad, Khairul Ammar Khairul Bazli, Mohamad Firdaus Ibrahim, Aminah Abd Rahman, Fazillah Ramli, Zuhdi Nusuki Jusoh, Raja Fadzilah Raja Brima Sulong, Eng Jun Yi, Rafidah Saharudin, dan Zainuddin Abd Aziz.

Program ini turut menampilkan Morne Hashim, Rico Leong/Shahmer Aizam Osman Leong, Mazlina Saidin, Nik Haslinda Hew, Qamarina Rusly, Mustafa Mahamud, Wan Maisara Wan Zailani, Amirul Firdaus Mohd Zulkifli, Mohd Nafis Saad, Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin, serta Shu Ogasawara dari Jepun.

Pulau Tuba dijadikan sebagai sumber inspirasi utama apabila para artis berpeluang meneliti keaslian alamnya melalui siri jelajah lapangan. Perjalanan ini bukan sekadar lawatan, tetapi sebuah pengalaman penelitian dan penghayatan, di mana setiap aspek daripada landskap pulau, denyut kehidupan komuniti setempat hingga pesona alam sekitar diterjemahkan sebagai inspirasi dalam karya seni cetakan yang dihasilkan sepanjang program ini.

Jelajah tersebut merangkumi pelbagai lokasi yang memperlihatkan keunikan budaya dan alam, antaranya Kedai Bahulu Panas, Kilang Keropok Keping, Tanjung Peluru, Ocean Trail, Buffalo Park, Bukit Kechil, Pantai Teluk Berembang, Jeti Teluk Puyuh, Kampung Keda, Lekoshow, dan Geopark Bridge. Para artis turut menelusuri Jeti Nelayan Ombak Rindu yang terkenal dengan aktiviti tradisi menangkap bronok, serta Tuba Beach Resort bagi merasai pengalaman menangkap ketam menggunakan perangkap. Setiap destinasi yang diterokai membuka ruang penelitian terhadap landskap, ekologi, dan kehidupan masyarakat tempatan, sekali gus memperkayakan sumber inspirasi dalam penghasilan karya.

Pengalaman jelajah tersebut kemudian diterjemah menjadi karya seni cetakan melalui pelbagai teknik seperti cetakan kayu, lino, kolograf, monotype dan kaedah alternatif lain. Keseluruhan hasil karya dipamerkan di Balai Seni Negara Cawangan Langkawi bermula 29 Ogos 2025 hingga 28 Februari 2026.

Serentak dengan penganjuran program, ***Hari Terbuka PrintLab Festival*** diadakan selama dua hari bermula 29 Ogos 2025 hingga 30 Ogos 2025. Pengunjung berpeluang menyertai aktiviti mencetak menggunakan teknik seni cetakan sutera saring dan aktiviti ini bukan sahaja mendekatkan masyarakat dengan dunia seni, malah menawarkan pengalaman interaktif yang unik kepada pengunjung.

Program ini turut disertai dengan pengisian program sokongan iaitu Bengkel Seni Asas Cetakan yang melibatkan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Kedawang, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Langkawi, serta pelajar Langkawi Tourism Academy. Antara program sokongan lain yang diadakan adalah Bengkel Seni Cetakan Kayu, dan Tetrapak yang dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman Mohd Hizal Rusinin, Asmin, dan Cik Mursyidah Zainal Abidin. Penglibatan ini memberi peluang pembelajaran secara praktikal serta memperkenalkan dunia seni cetakan kepada orang awam yang terlibat sebagai peserta bengkel.

Program PrintLab Festival yang buat julung kalinya diadakan di Pulau Langkawi ini bukan sahaja menyediakan ruang untuk masyarakat menghargai keindahan alam dan warisan budaya Langkawi, malah turut memberi peluang kepada pengunjung untuk mengenali identiti tempatan serta menikmati karya seni cetakan kontemporari yang diinspirasi oleh alam dan komuniti setempat.

Balai Seni Negara Cawangan Langkawi berharap program ini menjadi wadah memperkaya pengalaman seni, serta mengangkat Langkawi sebagai destinasi penting dalam peta seni visual negara, selari dengan aspirasi Tahun Melawat Kedah 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Orang ramai dijemput mengunjungi Balai Seni Negara Cawangan Langkawi untuk menghayati keindahan landskap Langkawi melalui karya-karya yang dihasilkan sepanjang program ini. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara dan Balai Seni Negara Langkawi atau layari www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my

Balai Seni Negara Langkawi:

Noordila Omar

T: +6019 5990 884

E: noordila@artgallery.gov.my

Rozeree Mohamed

T: +6010 2552 131

E: rozeree@artgallery.gov.my